

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[Batu]**

RUJUKAN : 8758

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan senarai jumlah pekerja asing yang diberikan permit pekerjaan dari tahun 2012-2015. Di antara ini berapa ramai balik secara sukerela, berapa ramai yang dihantar pulang dan berapa ramai yang masih berada di Malaysia secara haram. Senaraikan mengikut negara asal.

JAWAPAN :

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi tempoh 2012 hingga Februari 2016 adalah seperti berikut:-

BIL.	TAHUN	JUMLAH (ORANG)
1.	2012	1,571,589
2.	2013	2,250,322
3.	2014	2,073,414
4.	2015	2,135,035
5.	2016 (Feb)	1,978,948

Pekerja asing yang telah dibawa masuk dibenarkan untuk berkhidmat selama 10 tahun. Walau bagaimanapun, pekerja tersebut boleh pulang ke negara asal sekiranya telah menamatkan kontrak kerja dengan pihak majikan atau perkhidmatan tidak lagi diperlukan oleh majikan. Majikan juga disyaratkan untuk memohon Pengesahan Memo Periksa Keluar dengan pihak Imigresen sebelum menghantar pekerja asing pulang ke negara asal. Bilangan Memo periksa keluar adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	JUMLAH (ORANG)
1.	2012	25,607
2.	2013	191,349
3.	2014	263,145
4.	2015	285,014

Kerajaan sememangnya tidak mempunyai perangkaan jumlah bilangan PATI yang berada di Malaysia. Walau bagaimanapun,

Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif dalam menangani dan mengurangkan PATI. Antaranya Program 6P yang merupakan program 'one-off' melibatkan enam (6) aktiviti atau proses 6P iaitu Pendaftaran PATI, Pemutihan PATI, Pengampunan PATI, Pemantauan, Penguatkuasaan Terhadap PATI dan Pengusiran PATI. Proses Pendaftaran telah bermula dari 1 Ogos 2011 sehingga 31 Ogos 2011.

Seramai 1,303,126 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah berjaya didaftarkan. Proses pendaftaran ini telah disusuli dengan Proses Pemutihan telah bermula pada 10 Oktober 2011 sehingga 30 November 2012.

Program 6P yang dilaksanakan secara *one off* ini telah berjaya melaksanakan beberapa penyelesaian sepertimana berikut:

- (i) Seramai 1,303,126 PATI telah berjaya didaftarkan bersama maklumat keberadaan terkini mereka semasa berdaftar dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan berupaya mengumpul data berhubung anggaran jumlah PATI yang berada di dalam negara serta butiran tentang keberadaan PATI mengikut pecahan warganegara, aktiviti ekonomi, umur, jantina dan sebagainya;**
- (ii) Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing serta meningkatkan kawalan keselamatan negara;**

- (iii) Menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;**
- (iv) Seramai 330,778 PATI telah pulang ke negara asal dan kos yang terlibat dalam penghantaran pulang melalui proses pengampunan di bawah program 6P ditanggung oleh PATI tersebut;**
- (v) Seramai 503,161 PATI telah diputihkan dan memenuhi keperluan industri yang mendesak pada masa ini berdasarkan sektor-sektor ekonomi tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru; dan**
- (vi) Menangani isu kutipan levi ke atas majikan yang menggaji PATI di mana sebelum ini Kerajaan tidak dapat mengutip bayaran levi ke atas majikan yang telah menggunakan PATI dan menjana hasil pendapatan negara. Sebanyak RM629,065,191 hasil levi telah berjaya dikutip di bawah Program 6P dan dijangka ianya dapat dikutip bagi dua atau tiga tahun lagi berdasarkan tempoh penggajian yang dibenarkan di bawah program ini.**